



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 23 Tahun 2019

**DASAR PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN BAGI STAF
AKADEMIK DAN PENTADBIRAN LANTIKAN TETAP SERTA
KONTRAK DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan berkenaan dasar pelaksanaan tapisan keselamatan bagi staf akademik dan pentadbiran lantikan tetap serta kontrak di Universiti Teknologi MARA.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA SULIT 376/Bhg.10/5 bertarikh 2 Mei 1979 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1979, mengenai pelaksanaan tapisan keselamatan menyatakan pegawai yang dilantik dalam perkhidmatan awam dikehendaki menjalani tapisan keselamatan sebelum dilantik. Walau bagaimanapun, bagi mempercepatkan urusan pelantikan ke perkhidmatan awam, Suruhanjaya boleh membuat tawaran pelantikan kepada calon terlebih dahulu tetapi pelantikan rasmi adalah tertakluk kepada keputusan tapisan keselamatan. Lembaga Pengarah Universiti dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-168 pada 11 April 2019 telah meluluskan dasar

pelaksanaan tapisan keselamatan bagi staf akademik dan pentadbiran lantikan tetap serta kontrak di Universiti Teknologi MARA.

3. Bagi menyegerakan urusan pelantikan ke perkhidmatan awam, terdapat keperluan meminda tapisan keselamatan dalam surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bil. JPA SULIT 376/Bhg.10/5 bertarikh 2 Mei 1979. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011, Kerajaan telah memutuskan pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam dikehendaki menjalani dan lulus tapisan keselamatan sama ada sebelum disahkan dalam perkhidmatan atau setelah disahkan dalam perkhidmatan.

4. Untuk melaksanakan keputusan ini, Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai mengemukakan maklumat tapisan keselamatan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh melapor diri bertugas serta menjalani dan lulus tapisan keselamatan sebaik-baiknya sebelum disahkan ke dalam perkhidmatan. Bagi pegawai yang telah disahkan ke dalam perkhidmatan tetapi belum menjalani tapisan keselamatan, pegawai hendaklah menjalani dan lulus tapisan keselamatan dalam tempoh satu (01) tahun mulai tarikh pegawai disahkan dalam perkhidmatan.

5. Pegawai yang gagal tapisan keselamatan dalam tempoh percubaan atau tempoh percubaan yang dilanjutkan boleh ditamatkan perkhidmatan selaras dengan klausa penamatan di dalam surat lantikan mereka. Pegawai yang gagal tapisan keselamatan setelah disahkan dalam perkhidmatan boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605).

PELAKSANAAN

6. Calon lantikan tetap serta kontrak perlu menjalani dan lulus tapisan keselamatan. Pejabat Pendaftar, kampus cawangan dan fakulti berautonomi perlu melaksanakan

semakan melalui Sistem eTapis (Tapisan Keutuhan) selepas proses temu duga dilaksanakan.

7. Sekiranya maklumat tapisan keselamatan tidak diperolehi dalam tempoh 14 hari dari tarikh penghantaran, calon boleh dilantik. Kecuali bagi jawatan-jawatan di bawah skim Keselamatan dan Pertahanan, skim Kemahiran secara khususnya pemandu serta pensyarah lantikan kontrak bukan warganegara. Walau bagaimanapun, pelantikan adalah tertakluk kepada keputusan mesyuarat Majlis Sumber Manusia.

8. Sekiranya pegawai yang telah dilantik gagal tapisan keselamatan selepas melapor diri, pegawai boleh ditamatkan perkhidmatannya selaras dengan klausa penamatan di dalam surat lantikan mereka (jika masih belum disahkan jawatan).

9. Sekiranya pegawai telah disahkan jawatannya, maka proses penamatan hendaklah mematuhi prosedur di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605).

10. Setiap pegawai yang baharu dilantik secara tetap atau kontrak dikehendaki mengisi maklumat Tapisan Keselamatan Kerajaan Malaysia secara dalam talian di <https://evetting.cgso.gov.my/> dalam tempoh 30 hari mulai tarikh lapor diri.

11. Bagi memastikan setiap pegawai mengisi maklumat Tapisan Keselamatan Kerajaan Malaysia, keperluan sijil tapisan keselamatan dijadikan sebagai syarat tambahan bagi urusan pengesahan ke dalam perkhidmatan.

TARIKH DIKELUARKAN

12. Pekeliling dikeluarkan pada 19 Jun 2019.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling berkuat kuasa pada 11 April 2019.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan kepada:

Semua Ahli Majlis Eksekutif Universiti (MEU)
Semua Rektor Cawangan Negeri
Semua Dekan
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Bil. Fail : 100-BPD (PT.6/3)
No Siri : 100-BPD (Bil. 23/2019)